

## Pertunjukan

26. JAN 1984  
silat akan  
diadakan

3 Februari

B. Harian (M)

KUALA LUMPUR, Rabu — Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia akan mengadakan pertunjukan silat cekak sempena ulang tahun ke-18 kelahiran semula seni silat itu di Stadium Jalan Raja Muda 3 Februari ini jam 4.15 petang.

Menteri Penerangan, Datuk Sri Mohd Adib Adam dijangka merasmikan majlis yang akan dijayakan oleh 150 ahli itu.

Persatuan itu juga akan mengadakan majlis penyampaian sijil kepada 211 ahli yang lulus ujian di Dewan Besar Universiti Teknologi Malaysia pada 2 Februari, jam 9.30 pagi.

Majlis penyampaian sijil itu akan dirasmikan oleh pegawai dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Demikian kata Presiden merangkap Guru Utama Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia, Encik Hanafi Haji Ahmad hari ini.

## Rancangan 'Sudut Seni'

PENCAK SILAT

### RTM dapat sokongan

4 FEB 1984

TELEVISYEN MALAYSIA

KUALA LUMPUR, Jumaat — Presiden Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (PSSCM), Encik Hanafi Hj. Ahmad, mengalu-alukan rancangan 'Sudut Seni' yang akan diperkenalkan oleh RTM dalam usaha memperkenalkan budaya lama negara.

Beliau berkata, rancangan yang akan memaparkan perkembangan seni tanahair itu bukan sahaja dapat memperkayakan budaya bangsa, malah masyarakat dapat menyanjung budaya sendiri.

Beliau berharap, perkembangan seni negara diseimbangkan, bukan

hanya memberatkan rancangan drama dan nyanyian saja.

RTM, jelasnya, setakat ini belum menonjolkan sepenuhnya kesenian silat dalam rancangannya dan berharap peluang diberikan bila Sudut Seni diperkenalkan bulan ini.

B. Harian (M)  
Lenyap

Berucap di majlis perayaan ulang tahun ke-18 PSSCM, Encik Hanafi menyeru lebih ramai generasi muda menyertai pertumbuhan seni silat, supaya dapat mengetahui teknik mempertahankan diri.

"Kesenian silat adalah peninggalan panglima Melayu lama yang sepatutnya diwarisi oleh ge-

nerasi muda.

"Sebagai masyarakat Melayu yang mempunyai nilai-nilai budaya sendiri, sudah sepatutnya kesenian silat dikedepikan supaya ia tidak lenyap begitu sahaja," katanya.

Generasi muda yang mengikuti perkembangan kesenian silat bukan saja akan mempelajari kaedah dan asas silat, malah dapat membentuk mereka menjadi lebih berani, rajin, tabah dan tegas.

Keempat-empat sifat itu memang diperlukan bila menyertai kesenian itu dan sesuai dengan kehendak negara yang memerlukan generasi muda yang bermoral tinggi, katanya.